KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Desaru Fruit Farm rugi RM100,000 diserang gajah liar



AH CHIN menunjukkan kesan serangan gajah berlaku di kebun Desaru Fruit Farm di Kota Tinggi semalam.

KOTA TINGGI – Desaru Fruit Farm yang terkenal dengan aktiviti agro tourism di Bandar Penawar di sini kini terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM100,000 selepas kebun buah-buahan diserang gajah liar.

Pengarah Desaru Fruit Farm Trading, Alice Tong Ah Chin berkata, serangan gajah liar itu berlaku sejak sebulan lalu dipercayai dilakukan kira-kira lapan ekor gajah.

Ujarnya, kebanyakan sasaran haiwan itu adalah pokok kelapa, pokok pisang, pokok jambu air, pokok belimbing dan pokok-pokok lain yang kini sedang berbuah.

"Kami ada tiga kebun jumlah keseluruhan keluasan lebih 40 hektar yang mana semuanya ditanam dengan lebih 100 jenis pokok buah-buahan.

"Serangan gajah ini mula menjadi-jadi sejak penghujung bulan Februari lalu," ujarnya semalam.

Katanya, dipercayai gajah-gajah tersebut berkemungkinan berada di kawasan sekitar kebun berkenaan ekoran kekerapan serangan dilakukan terhadap pokok-pokok di kebun.

Tambahnya, aduan kepada pihak Jabatan Perhilitan juga telah dibuat agar tindakan dilakukan supaya pihaknya tidak terus menanggung kerugian.

Jelasnya, dalam keadaan dia berusaha memulihkan perniagaan yang terkesan akibat Covid-19, masalah gajah tersebut membuatkan keadaan menjadi semakin teruk.

"Perhilitan mencadangkan agar kami berjaga di kebun dan kami juga telah mengaturkan pekerja untuk sentiasa ada mengawal di situ," ujarnya.

Tambahnya dia turut berharap agar gajah berkenaan dapat ditangkap dan dipindahkan agar tidak terus mengganggu kebunnya.